ISSN No. 1675-1183 April - June 2011 Pustaka Negeri Sarawak Pustaka Miri

Fountain of KNOWLEDGE

Volume 49

like us on facebook
Follow us on twitter

# PUSTAKA NEGERI SARAWAK SERTAI PAMERAN SEJIWA SENADA KUCHING UTARA

Oleh **Norzihan Abdullah (norzihaa@sarawaknet.gov.my)**

Pustaka Negeri Sarawak telah menyertai Jerayawara Pameran Sejiwa Senada anjuran Unit Pemantauan Pelaksanaan Negeri (SIMU), Jabatan Ketua Menteri untuk lokasi yang terakhir iaitu Kuching Utara yang bertempat di Sukma Ria, Petra Jaya Kuching pada 1-3 April 2011.

Antara perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan di gerai Pustaka ialah Kempen Keahlian, penjualan CD Siri Sarawakiana, penjualan buku Sarawakiana Koleksi Mendiang Ho Ah Choon, brosur-brosur dan tayangan slaid serta panel-panel perkhidmatan yang terdapat di Pustaka Negeri Sarawak.

Selain daripada itu, aktiviti kuiz diadakan dan para pengunjung turut menerima cenderamata menarik dan eksklusif daripada kami. Apa yang kami harapkan, agar program seumpama ini kerap diadakan untuk mengeratkan lagi hubungan di antara jabatan kerajaan dan orang awam. Gerai Pustaka telah menerima kunjungan lebih dari 1300 orang sepanjang tiga (3) hari ianya diadakan.



**CENDERAMATA...** *Yang Berhormat Datuk Amar Haji Mohemed Morshidi Bin Abdul Ghani, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak sempat melawat "booth" Pustaka Negeri Sarawak dan menyampaikan cenderamata*



**SESAK**...*"Booth" Pustaka Negeri Sarawak sentiasa sesak sewaktu aktiviti kuiz dijalankan*



**SELESAI...**AJK *yang bertugas sempat merakamkan kenangan bersama setelah selesai program Sejiwa Senada di lokasi yang terakhir*

# PROGRAM RAKAN PUSTAKA @ SERIAN

oleh **Sharifah Seria Bt. Wan Razali (shariswr@sarawaknet.gov.my)**

Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Majlis Daerah Serian mengadakan Program Rakan Pustaka pada 18 April 2011 di Dewan Masyarakat Serian.



*Staf yang turut serta bertungkus lumus menyediakan peralatan pameran.*

Antara aktiviti diadakan ialah pameran, kempen keahlian, kempen membaca, taklimat perkhidmatan Pustaka kepada pelajar sekolah menengah, dan sesi bercerita untuk kanak-kanak tadika. Seramai 24 orang pelajar tingkatan 3 dari SMK Serian menghadiri sesi taklimat perkhidmatan Pustaka yang disampaikan oleh Sharifah Seria Wan Razali dan Alvaena Valentine. Selepas itu, sesi diteruskan dengan kempen membaca oleh Herrie Suliano.



*Taklimat kempen membaca oleh Herrie Suliano*



*Taklimat perkhidmatan oleh Sharifah Sena dan Alvaena Valentine*

Manakala sesi bercerita bersama-sama 40 orang kanak-kanak tadika diadakan pada sebelah petang dengan cerita bertajuk "Sang Arnab dan Kura-Kura" dan "Sang Semut Yang Baik Hati" yang dikendalikan oleh Herrie Suliano dan Alvaena Valentine. Selain itu juga, mereka turut menyanyi lagu kanak-kanak untuk memeriahkan lagi suasana.



*Sesi bercerita bersama-sama kanak-kanak tadika oleh Herrie dan Alvaena*



*Kanak-kanak tadika yang turut serta menyanyi keriangan*

# MESSAGE FROM
## THE ACTING CHIEF EXECUTIVE OFFICER



Assalamualaikum wbt.

*Knowledge Management* ataupun Pengurusan Pengetahuan bukanlah suatu perkara yang baharu. Konsep asas serta pelaksanaannya telah biasa diamalkan oleh masyarakat tradisional walaupun tidak secara sistematik dan intensif. Bagi sesebuah organisasi Pengurusan Pengetahuan didefinisikan sebagai kegiatan tersusun dan sistematik dalam rangka memperbaiki keupayaan sesebuah organisasi berkenaan melalui proses-proses mencipta, mengumpul, menyerap, memanfaat dan mengeksploitasi ilmu pengetahuan.

Dengan mengeksploitasi ilmu pengetahuan, sesebuah organisasi pada masa kini lebih bersedia untuk menghadapi persaingan dengan lebih berkesan. Pustaka Negeri Sarawak juga telah mengambil langkah aktif, melalui Bahagian Pengurusan Pengetahuan, untuk memastikan semua ilmu pengetahuan yang terdapat di sini dapat dimanfaatkan sepenuhnya demi mempertingkatkan daya saingnya. Langkah ini juga akan dapat menyumbang kepada usaha bagi menterjemahkan Pustaka Negeri Sarawak sebagai sebuah *Learning Organisation.*

Cabaran-cabaran baru yang datang bersama-sama dengan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi serta industri hiburan memerlukan institusi ilmiah seperti Pustaka Negeri Sarawak untuk mengambil langkah-langkah inovatif dan kreatif agar tidak kalah dalam persaingan menarik minat pengguna. Pembelajaran pada peringkat individu tidak cukup bagi merealisasikan hasrat ini. Oleh itu, pembelajaran berterusan organisasi telah menjadi suatu kemestian dan bukan lagi pilihan.

Bila semakin ramai pengguna memanfaatkan perkhidmatan dan koleksi yang terdapat di Pustaka Negeri Sarawak, maka impak daripada ilmu pengetahuan yang mereka perolehi boleh membantu mereka menyerlahkan potensi sebenar diri masing-masing dalam bidang-bidang yang mereka ceburi. Ini akan membantu secara langsung ke arah pembentukan masyarakat yang berpendapatan tinggi dan berfikiran kelas pertama.
Terima kasih.

*Japri Bujang Masli*


# EDITORIAL COMMITTEE

**Advisor**
Japri Bujang Masli

**Editor-in-Chief**
Nesly Rebid

**Committee Members**
Laurena Aloh
Edison Ricket
Bronny Lawrence Nawe
Sofina Tan Sofian Tan
Alya Faeeqah Hj Hamali
Norzihan Abdullah
Mohd. Nizam Abang Takip



This Newsletter is published quarterly by

**Pustaka Negeri Sarawak**
Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium
93050 Kuching, Sarawak
Malaysia
Tel : 6 082 442000
Fax : 6 082 449944
Contact : librarian@sarawaknet.gov.my


copyright©2011, Pustaka Negeri Sarawak

**www.pustaka-sarawak.com**

# NAIB JOHAN DART BERPASUKAN MAKSAK SARAWAK

Oleh **Razak Hj. Rambli (razakr@sarawaknet.gov.my)**

KSR Pustaka telah melakar satu lagi sejarah apabila meraih naib johan pertandingan dart antara kelab gabungan MAKSAK anjuran Majlis Sukan Dan Kebajikan Kastam Diraja Malaysia Cawangan Sarawak yang berlangsung pada 6 – 8 Mei 2011. Pertandingan tersebut diadakan di bangunan baru Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Petra Jaya dan telah disertai sebanyak 26 pasukan.



Pada perlawanan akhir tersebut, KSR Pustaka telah dikalahkan oleh wakil tuan rumah iaitu pasukan KASTAM 'A' yang sekaligus muncul juara kejohanan pada 2011. Pasukan KASTAM 'A' membawa pulang sebuah piala dan wang tunai sebanyak RM 300.00, manakala KSR Pustaka membawa pulang sebuah piala dan wang tunai sebanyak RM 200.00. Pasukan RTM pula meraih tempat ketiga yang turut membawa pulang sebuah piala dan wang tunai RM 100.00. Kejayaan KSR Pustaka merangkul naib johan pada tahun ini telah memperbaiki pencapaian tahun 2010 yang mana KSR Pustaka telah mendapat tempat ketiga keseluruhan. Tahniah diucapkan kepada wakil KSR Pustaka kerana telah mengharumkan nama Pustaka Negeri Sarawak.



# MAJLIS MAKAN MALAM PENGHARGAAN 5S DAN MAJLIS HARIJADI STAF

Oleh **Izaruddin Moss (izaruddin@sarawaknet.gov.my)**

MIRI... Bertarikh 29 April 2011, satu majlis makan malam telah diadakan untuk staf di Pustaka Miri bertempat di salah sebuah hotel terkemuka Bandaraya Miri. Ianya diadakan adalah bertujuan sebagai tanda penghargaan serta meraikan Persijilan 5S yang telah dianugerahkan kepada Pustaka Miri.

Majlis makan malam tersebut turut diserikan lagi dengan kehadiran Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak Japri Bujang Masli serta Pengurus Wilayah Pustaka Miri, Salina Hj. Zawawi.

Majlis tersebut lebih bermakna kerana turut diselitkan dengan beberapa aktiviti seperti tayangan persembahan slaid yang memaparkan perjalanan yang telah ditempuhi oleh semua staf Pustaka Miri dalam mencapai sasaran ke arah pensijilan 5S.

Bersempena dengan itu juga, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak telah menyampaikan hadiah kepada pemenang individu 1 serta Zon 5S Audit 5S Siri1/201. Keputusannya adalah seperti berikut:

**Juara Zon: Zon Bumi**
**Zon Harapan: Zon Utarid**
**Juara Individu Audit: Abd. Aziz Hj. Kassim**
**Pemenang Harapan: Fariza Salleh & Ramaliza Rakawi**

Selain itu, majlis makan malam tersebut turut meraikan harijadi staf yang lahir pada bulan April, Mei dan Jun. Mereka yang diraikan adalah terdiri daripada Salina Hj. Zawawi, Zaidi Mohd. Nor, Ramaliza Rakawi, Nur Aiman Nicholas Luyoh dan Momira Morris.



*JUARA ZON...Ketua Zon Bumi Zuwahir Ilias (kiri) menerima sijil kemenangan daripada Japri.*



*JUARA INDIVIDU...Abdul Aziz (kiri) diiktiraf sebagai pemenang kategori individu bagi Audit 5S Siri1/2011.*



*MERIAH...Mereka yang lahir dalam bulan April, Mei dan Jun diraikan juga semasa majlis makan malam tersebut.*

# WORLD MIGRATORY BIRD DAY 2011 AT PUSTAKA MIRI

by Andrian Allol, Nasuha Mohamed & Sophia Ngau
(Practical Students - Information Management, UITM)

MIRI...Pustaka Miri, in collaboration with the Malaysian Nature Society (MNS) Miri Branch, organized activities in celebration of the World Migratory Bird Day on 21st May 2011.

World Migratory Bird Day (WMBD) aims to inspire people to take action for the conservation of migratory birds and encourages national authorities, non-governmental organizations (NGOs), clubs and societies, universities, schools and individuals around the world to organize events and programs, to help draw attention to the cause.

The activities held during the WMBD at Pustaka Miri were Poster Making with the theme 'Birds of Sarawak' and a Talk and a Slideshow presentation on 'Birdwatching in Miri: Common Birds in Your Garden and Other Rare Birds Beyond'.

A total number of 32 children took part in the Poster Making Contest. Stella Wen Jia won the Poster Making contest while Lim Mei Yuan and Wong Lee Jin grabbed the 1st Runner-Up and 2nd Runner-Up prizes respectively.

MNS Miri Branch's former chairperson MdNazeri Abghani, who is an avid birdwatcher, shared his birdwatching experiences through colorful photographs as well as giving tips on how to be a good birdwatcher. Some 80 participants attended the event.




*THE BEST...Stella Wen showing off her creativity in the poster contest.*



*ATTENTIVE... Some of the participants during the talk and slideshow.*

# PUBLIC HEALTH TALK AT PUSTAKA MIRI: HEALTH IS WEALTH

by Andrian Allol, Nasuha Mohamed & Sophia Ngau
(Practical Students - Information Management, UiTM)

MIRI... Pustaka Miri organized another public health talk for the community in and around Miri City on Tuesday, 10th May 2011.

The talk entitled 'Health is Wealth' took place in the library's Auditorium and was given by Miri Hospital's former director, Dr. Uma Devi, who has had years of experience in the medical line, shared her knowledge on ways to be healthy physically and mentally.

Without good health, one will not be able to enjoy life to the fullest hence it is important to know the right ways in maintaining one's health by practicing a healthy lifestyle. It is also better if the awareness of a healthier lifestyle be encouraged from a young age.

The objective of talk was to create awareness on the importance of mental and physical health. A total of 60 participants attended the talk and gave positive feedbacks.



*THANK YOU...Dr. Uma (right) receiving a token of appreciation from the management representative Zaidi Mohd. Nor.*



*BE & STAY HEALTHY...Participants of the talk paying attention to the talk.*

# PRODIGY 6 DI KONVENSYEN KIK PERPUSTAKAAN SEMALAYSIA KE-3

oleh Sofina Tan (sofina@sarawaknet.gov.my)

MIRI... Pasukan Prodigy 6 telah mewakili Pustaka Negeri Sarawak dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perpustakaan SeMalaysia Ke-3 yang berlangsung di salah sebuah hotel terkemuka di Pulau Langkawi, Kedah Darul Aman.

Konvensyen selama tiga (3) hari tersebut telah berlangsung pada 10 dan 11 Jun 2011 dan tuan rumah bagi tahun 2011 adalah Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah.

Prodigy 6 yang dianggotai oleh Ahmad Samsudin (Ketua), Izaruddin Moss, Abdul Aziz Hj. Bujang, Suzanna Abdullah, Jamilah Juli dan Norayah Adenan telah membentangkan projek mereka yang bertajuk 'Masalah Pengiraan Koleksi Perpustakaan Yang Tidak Efisien'

Mereka telah diiringi oleh fasilitator Sofina Tan serta Jawatankuasa Inovasi (KIK) Dayangku Hadzimah Awangku Ahmad dan Siti Khairunnisa Rosli. Turut hadir memberi sokongan adalah Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak, Japri Haji Bujang Masli.

Meskipun tidak memenangi sebarang tempat utama di konvensyen berkenaan, Prodigy 6 telah menunjukkan peningkatan prestasi yang amat baik dan persembahan yang dilakukan berjalan dengan lancar.

Pasukan Whopedia (Perpustakaan BERNAMA) telah menjuarai konvensyen tersebut sementara pasukan KLIK (Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia) dan SOLVE (Perpustakaan Tun Razak, Universiti Teknologi MARA) masing-masing mendapat tempat kedua dan ketiga.

Konvensyen seterusnya akan diadakan di negeri Terengganu Darul Iman.



*TERIMA KASIH...Pasukan Prodigy 6 menunjukkan kad ucapan daripada staf Pustaka Miri.*



*SOKONGAN PADU...Prodigy 6 bersama Japri (tengah), Siti Khairunnisa (kiri) dan Dayangku Hadzimah (kanan) selepas pembentangan projek.*

# PUSTAKA...YOU DID IT AGAIN...! ANUGERAH KUALITI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SARAWAK 2011 (AKPANS)

by Laurena ak Aloh (laurenaa@sarawaknet.gov.my)

For four consecutive years Pustaka has participated in this prestigious Civil Service award. This award is the highest recognition given to the State Public Sectors for their efforts in practicing and sustaining total excellence across the organizations as well as possessing the ability to deliver quality service and value to customers thus providing excellent service delivery and value.

This year, Pustaka submitted its 2010 report and was among the twenty other agencies short-listed. The report highlighted the initiatives and strategies, Pustaka had taken in order to meet the standards of a world-class organization. The 7 characteristics of a world-class organization purported by Clems Hunter were adopted into the strategies.

Presentation to a panel of judges was staged on 24 May 2011. However, the final process of selection will be done by another round of short-listing by the Human Resource Development and Quality Unit of the Chief Minister's Department and a site visit will also be conducted.



*AKKMS2010 Project Based Team*
*(Right to left: Dayangku Hadzimah Awangku Ahmad, Edison Ricket, Bronny Lawrence Nawe, Razak Rembili, Japri Bujang Masli, Nesly Rebid, Laurena Aloh, Amalina bt Drahman and Rozena Octovie Raymond Umpu, Not in the picuture: Siti Khairunisa bt Rosli)*



*Presentation in progress*



*Panel of judges from MAMPU, MPC and SIRIM among others*



*Encik Japri, while presenting*

*What have we learnt...? On behalf of the project-based team, I must say that it was yet another enriching experience of working together as a team, challenges and strict deadline were harmoniously encountered together. Bravo team!*

# Konvensyen ICC Perpustakaan SeMalaysia ke 3

Oleh **Dayangku Hadzimah Awangku Ahmad(dayanhaa@sarawaknet.gov.my)**

**Penganjur : Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam SeMalaysia dan Persatuan Pustakawan Malaysia, Kumpulan Utara**

**Tarikh : 9 – 11 Jun 2011**

Konvensyen telah dimulakan dengan ucapan aluan oleh YBhg Dr. Zahidi bin Dato' Haji Zainol Rashid, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, merangkap Pengerusi Majlis Pengarah-Pengarah Perpustakaan Awam SeMalaysia. Konvensyen dirasmikan oleh wakil Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, iaitu Timbalan SS. Di dalam ucapan beliau, telah menyentuh mengenai peranan perpustakaan sebagai pusat sumber pengetahuan serta perkembangan ICT memainkan peranan yang penting bagi menyampaikan maklumat. ICC dapat membudayakan kreativiti dan inovasi di dalam perkhidmatan awam. Kumpulan ICC digalakkan untuk mencetuskan idea-idea baru dan sentiasa peka serta proaktif dengan kerja untuk pencapaian perkhidmatan dan nilai-nilai tambah.

**Penyertaan daripada:**

12 buah kumpulan ICC yang terdiri daripada:

**4 buah Kumpulan ICC Perpustakaan Awam Negeri iaitu:**

1. Pustaka Negeri Sarawak-Prodigy 6 **(Masalah pengiraan koleksi perpustakaan yang tidak efisien)**
2. Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu-Smart Layer **(Kelewatan mengesan lokasi buku di atas rak)**
3. Perbadanan Perpustakaan Awam Perak-Inspirasi **(Pengumpulan statistik perpustakaan tidak efisien)**
4. Perpustakaan Negeri Sabah-Monsopiad **(Pinjaman bahan AV yang semakin berkurangan)**

**7 buah Kumpulan ICC Perpustakaan Universiti:**

1. Universiti Malaysia Sarawak-Solution **(Proses penyelenggaraan PC di makmal komputer mengambil masa yang lama)**
2. UiTM-Solve **(Kesukaran menyediakan kekulit buku)**
3. UiTM-Titanium **(Mempercepatkan penyediaan surat penahanan konvokesyen)**
4. UPM-Smart ACQLib **(Kesukaran pegawai akademik profesional membuat permohonan dan pemilihan buku di Perpustakaan UPM)**
5. UiAM-iSmart **(Mewujudkan pusat informasi setempat untuk pengguna OKU di Perpustakaan IIUM)**
6. UKM-Klik-**(Mempermudahkan pencarian e-jurnal teks penuh langganan perpustakaan)**
7. UKM-Pantas 3 **(Pertambahan bilangan buku rosak di mesin pemulangan layan diri)**

**Sebuah Kumpulan ICC Perpustakaan Khusus:**

1. Bernama-Whopedia **(Pelanggan Kad Profil Tokoh Rendah)**

Pemenang:

**Tempat Pertama: Whopedia, Bernama,** Hadiah Pertama - Wang tunai RM3,000.00, Trofi & Sijil

**Tempat Kedua: Klik, UKM,** Hadiah Kedua - Wang tunai RM2,000.00, Trofi & Sijil

**Tempat Ketiga: Solve, UITM,** Hadiah Ketiga - Wang tunai RM1,000.00, Trofi & Sijil

**Anugerah Khas – Best Team Work – Inspirasi** – Perbadanan Perpustakaan Awam Perak

**Anugerah Most Creative Team – Smart Layer** – Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu

**Anugerah Best Cross Functional Team - Smart ACQLib** – UPM

Konvensyen ICC Perpustakaan SeMalaysia kali ke 4 akan diadakan pada tahun 2012 dan dianjurkan oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu




*Ahmad Samsudin, Ketua Kumpulan Prodigy 6 mengambil Plak serta Sijil Penyertaan*



*Japri Bujang Masli, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka serta Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan dan Perpustakaan Sabah tengah khusyuk membaca buku program*



*Pemerhati dari DBKU, Majlis Perbandaran Sibu dan Majlis Daerah Luar Bandar Sibu*



*Para peserta dan pemerhati*

# CERAMAH SARAWAKIANA: PENGENALAN KEPADA MANIK SARAWAK

oleh Norlailawaty Bt. Ismail (norlaii2@sarawaknet.gov.my)

Pada Rabu, 20 April 2011, Bahagian Perkhidmatan Maklumat, Pustaka Negeri Sarawak mengadakan satu siri ceramah Sarawakiana yang bertajuk Pengenalan Kepada Manik Sarawak. Ceramah ini diadakan di Bilik Koleksi Khas, Aras 1, Pustaka Negeri Sarawak oleh Roziah Rinai dari Sarawak Craft Council.

Sepanjang sesi ceramah, beliau mengupas mengenai seni gubahan manik yang merupakan satu seni kraftangan yang begitu popular di Sarawak. Menurut beliau, kaum etnik pertama di Sarawak yang menghasilkan manik atau "baw" adalah dari suku kaum Lun Bawang. Ini kerana manik merupakan harta pusaka kaum wanita Lun Bawang yang dianggap sangat berharga. Terdapat pelbagai jenis manik yang dihasilkan oleh masyarakat ini, antaranya Baw tulang, Baw birar, Baw sia dara', Bawa bata', Baw burung murit dan lain-lain. Manik-manik ini diperbuat daripada kulit kerang, gigi, dan biji buah-buahan yang dilubangkan dicucuk dengan tali.

Masyarakat Lun Bawang menghasilkan manik daripada seramik iaitu tanah liat yang dibakar. Untuk menghasilkan manik seramik, tanah liat diambil dari tebing sungai di sekitar daerah Lawas. Barangan perhiasan manik seramik pernah menyertai program "Showcase Satu Daerah Satu Industri" di negeri Melaka pada tahun 2007. Selain itu, barangan ini juga ditempatkan di beberapa ekspo dan pameran di seluruh negeri Sarawak. Kini manik seramik bukan hanya dijadikan perhiasan tradisional, malahan boleh menembusi pasaran tempatan dan luar negara.

Sesi ceramah pada petang tersebut dilanjutkan dengan sesi soal jawab diantara peserta yang hadir dan penceramah. Para peserta juga diberi peluang untuk mencuba membentuk dan mereka manik sendiri. Sesi ceramah Sarawakiana bagi tahun 2011 diadakan setiap suku tahunan meliputi sejarah dan kebudayaan etnik Sarawak.



*Gambar Sekitar Aktiviti*



*Para peserta khusyuk mendengar ceramah dan memerhati hasil manik seramik*



*Sesi temu ramah antara penceramah dan wartawan*



*Sesi penyampaian cenderamata daripada Pustaka kepada penceramah*

# EMAS DAN PERAK SEBAGAI INSTRUMEN SIMPANAN & PELABURAN

oleh Sharifah Seria Bt. Wan Razali
(shariswr@sarawaknet.gov.my)

Pada 7 April 2011, seramai 160 orang menghadiri ceramah "Emas dan Perak Sebagai Instrumen Simpanan dan Pelaburan" yang diadakan di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak. Ceramah tersebut telah disampaikan oleh Hafizul Hakim Mohd Kerta merupakan seorang yang berpengalaman dalam urusan jual beli emas dan perak.

Ceramah ini diadakan dengan tujuan untuk memberi peluang kepada individu yang berminat dalam pelaburan emas dan perak untuk mendapat pengetahuan dan maklumat yang lebih terperinci mengenai pelaburan tersebut. Disamping itu, ceramah ini juga membantu dalam mengenal pasti teknik-teknik pelaburan yang membawa keuntungan dan tidak merugikan. Sepanjang sesi ceramah berlangsung, penceramah juga turut memberi pandangan beliau mengenai skim pelaburan yang tidak mendatangkan keuntungan yang sering diperkatakan pada masa kini. Sesi ceramah ini berakhir dengan sesi soal jawab dari para jemputan kepada penceramah.



*Para peserta khusyuk mendengar taklimat daripada penceramah*



*Penceramah sedang membuat bengkel pengiraan*

# PESTA KAUL 2011

oleh Dayangku Horiah Awang Gani (dayangh@sarawaknet.gov.my)

Projek Dokumentasi Sarawakiana bermula dengan kerjasama antara Pustaka Negeri Sarawak dengan Majlis Adat Istiadat Sarawak dalam pendokumentasian Pesta Kaul di Mukah baru-baru ini. Unit Sarawakiana, Bahagian Perkhidmatan Teknikal (Pustaka Negeri Sarawak) telah berkunjung ke Mukah pada 25 April 2011 hingga 1 Mei 2011 di Kala Dana (Kuala Lama), untuk melakukan tinjauan dan seterusnya merakamkan aktiviti-aktiviti yang diadakan bersempena Pesta Kaul 2011. Tujuan dokumentasi ini dilakukan adalah untuk dijadikan bahan rujukan kepada generasi muda kini dan akan datang dalam pengetahuan berkenaan khazanah lama yang semakin pupus.

Kaul merupakan satu keramaian yang disambut oleh masyarakat Melanau sejak dari dulu lagi. Pesta turun-temurun yang diraikan secara tahunan ini menghimpunkan pelbagai aktiviti dan adat resam yang menarik dan berbeza dari kaum lain. Tema pesta kaul kali ini adalah 'Tiada Seuniknya'. Majlis perasmian yang diadakan pada 30 April 2011 telah dirasmikan oleh Ketua Menteri Sarawak Yang Amat Berhormat Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud.

Antara aktiviti yang menarik adalah seperti Teluwaih Jinih (Ratu Cantik Melanau), gerai pameran dan jualan, pertandingan mengubah serahang, pertandingan Isiak A Melanau Diak Nyam (pertandingan Masakan Melanau), malam persembahan kebudayaan dan seni warisan, perarakan serahang, Keman Beradet ( Makan Beradat) dan macam-macam lagi.

Pesta Kaul merupakan medan perkelahan komuniti terbesar masyarakat Melanau. Pesta ini memaparkan satu manifestasi khazanah budaya kaum Melanau dari aspek pakaian, kraftangan, makanan, permainan dan tarian. Kini sambutannya disertai oleh semua lapisan masyarakat dari pelbagai kaum untuk melihat dan menyertai pelbagai permainan tradisi seperti "Tibow", pameran dan jualan makanan eksotik tempatan seperti "Tebaloi, Si'et, Sagu dan Umai", persembahan kebudayaan, pameran kraftangan dan yang lebih menarik adalah proses penyatuan keakrabaan yang menemukan pelbagai bangsa, agama dan bahasa dalam upacara perkelahan komuniti.




*Unit Sarawakiana bersama ahli Majlis Adat Istiadat Sarawak di salah satu gerai jualan*



*Tapak Kaul, Kala Dana (Kuala Lama), Mukah*



*Ketibaan Ketua Menteri Sarawak di tapak kaul*



*Antara permainan tradisional masyarakat Melanau (Tibou)*



*Ketua Masyarakat Bahagian Mukah bersama Serahang*



*Acara Keman Beradet bersama VVIP*




*Antara temuramah yang dijalankan oleh Puan Dayangku Horiah Awang Gani dan Encik John Ling Jind Tira bersama Penghulu Nikie bin Kadim dan Encik Kudet bin Megok*

# Penyerahan Koleksi YBhg. Datuk Haji Mortadza bin Haji Daud Kepada Pustaka Negeri Sarawak

oleh Rozana Octovia Raymond Umpu (rozanoru@sarawaknet.gov.my)

Pada 27 Mei 2011, Pustaka Negeri Sarawak menerima sejumlah koleksi daripada Yang Berbahagia Datuk Haji Mortadza bin Haji Daud. Upacara penyerahan ini dilakukan di rumah beliau di Jalan Patingan yang disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak, Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Dr. Haji Hamid Bugo, disaksikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak, Encik Japri Bujang Masli dan Ketua Sektor Perkhidmatan Depositori Pustaka Negeri Sarawak, Puan Arpah Adenan.

Datuk Haji Mortadza pernah berkhidmat sebagai Mufti Negeri Sarawak selama lapan tahun (1994-2002). Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai mufti, beliau banyak menyumbang tenaga dan idea kepada perkembangan syiar dan amalan Islam di Sarawak. Beliau yang turut dikenali sebagai tokoh agama sering menyampaikan hasil pengajarannya melalui pelbagai media khususnya melalui Radio Sarawak disekitar tahun 60an. Antara koleksi yang diserahkan kepada Pustaka Negeri Sarawak ialah 23 naskah tafsir Al-Quran hasil tulisan tangan beliau sendiri, kajian yang bertajuk "Penyiasatan Khurafat" dan "Kajian Kanak-kanak".



*Datuk Haji Mortadza menyerahkan koleksi beliau kepada Tan Sri Hamid Bugo disaksikan oleh isteri dan anak beliau serta ACEO Pustaka Negeri Sarawak, Encik Japri Bujang Masli*



*Sebahagian daripada 23 naskah tafsir Al-Quran yang diserahkan ke Pustaka Negeri Sarawak*



*Tafsir Al-Quran hasil tulisan angan Datuk Haji Mortadza*

*Datuk Haji Mortadza sedang mengimbas kembali kenangan dan pengalaman beliau sebagai Mufti Negeri Sarawak.*



*Bergambar kenangan bersama Datuk Haji Mortadza*



*Kajian kanak-kanak ...Salah satu hasil tulisan Datuk Haji Mortadza*



# Official Launch of Remembering Anthony Exhibition

by Rozana Octovia Raymond Umpu (rozanoru@sarawaknet.gov.my)

On 8th June 2011, an exhibition with the theme, "Remembering Anthony" had been successfully launched by Anthony Brooke's son, Mr. James Bertram Lionel Brooke. The launching of the exhibition was witnessed by the Pustaka's Chairman to the Board of Management, YBhg. Tan Sri Datuk Amar Dr. Haji Hamid Bugo, Pustaka's ACEO, Encik Japri Bujan Masli, Anthony's grandson, Jason Brooke and over 100 guests including Sarawak state officials, students, historians, representatives of NGOs, teachers and journalists.

The exhibition is aimed to expose pieces of Sarawak's history especially to the younger generation. The late Anthony Brooke passed away on 2nd March this year at the age of 98. The exhibition also promote archives available at Pustaka Negeri Sarawak at its facility at State Records Repository. The display is focus on Anthony Brooke's life from his early years throughout his years as the Rajah Muda of Sarawak during Brooke's reign and towards his final days. nthony Walter Dayrell Brooke was a former Rajah Muda of Sarawak who inspired the anti-cession movement and the rising of nationalism spirit among Sarawakian during British ruling. The exhibition will run from 8th June until 3rd July 2011 from 11 am to 7 pm at Anjung Budi (1st level lobby), Pustaka Negeri Sarawak.



*Handing over of Anthony Brooke's portrait by Mr. James Bertram Lionel Brooke to Ybhg. Tan Sri Dr. Hamid Bugo witnessed by Pustaka's ACEO and Jason Brooke*



*Mr. James Bertram Lionel Brooke unveiled the exhibition poster*



*Viewing the exhibition*

*Mr. James Bertram Lionel Brooke writing on the guestbook witnessed by Jason Brooke and Pustaka's staff.*



*Mr. James Bertram Lionel Brooke unveiled the exhibition poster*



*James and Jason Brooke reading "Anthony's Story".*



# Susey....5S

**A**udit Dalaman@ 22-23 Februari 2011

Sesi audit dalaman siri 1/2011 telah dijalankan dengan jayanya dengan kerjasama dan sokongan dari Pihak Pengurusan dan staf Pustaka. Kali ini sesi audit dalaman diketuai oleh Cik Norasemah Drahman dan dibantu oleh Komiti 5S.

**L**awatan Pra- Audit Dari MPC@ 4 Mei 2011

Lawatan Pra-Audit 5S telah diadakan pada 4 Mei 2011 yang diketuai oleh Izani Ishak dan Megat Amirul Saifulnizam dari MPC. Sebelum lawatan ke lokasi bermula, mesyuarat pembukaan Pra Audit diadakan dan dipengerusikan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif serta dihadiri oleh Ketua-Ketua Sektor, Komiti 5S dan semua Ketua Kumpulan 5S. Persembahan slide pengenalan termasuk aktiviti dan kemajuan aktiviti 5S juga dibentangkan oleh Salina Haji Zawawi selaku Koordinator 5S.

**L**awatan Penanda Aras Ke Jabatan Pendaftaran @ 19 Mei 2011

Berdasarkan kepada pemerhatian, mereka mendapati pelaksanaan amalan persekitaran berkualiti (5S) di Pustaka dan SRR berada pada tahap yang boleh dibanggakan. Namun, amalan ini belum dilaksanakan secara menyeluruh dan didapati ada beberapa tempat yang masih perlu diambil tindakan segera agar amalan 5S ini dapat dipraktikkan dengan lebih berkesan.

**T**injauan Lokasi@ 6-7 Jun 2011

Hasil maklum balas dan laporan daripada Pra Audit pada 4 Mei 2011 yang lepas, Komiti 5S telah mengadakan aktiviti Tinjauan Lokasi untuk memeriksa sama ada tindakan telah diambil oleh setiap kumpulan.

**T**ahiah kepada Pemenang

Keputusan pemenang Audit 5S siri 1/2011 telah diumumkan semasa Perhimpunan pada 27 Mei 2011 yang lepas. Pemenang Terbaik Kategori Individu membawa pulang wang tunai RM30 berserta sijil penghargaan dan Kategori Kumpulan membawa pulang cek bernilai RM100 beserta sijil penghargaan manalaka semua pemenang harapan membawa pulang sijil penghargaan.

| Kategori | Individu | Kumpulan |
|---|---|---|
| Terbaik | Norassima Sitam | Tantaro Sinbei (SRR) |
| Harapan I | John Nyo -em | Ben -10 (SRR) |
| Harapan II | Daut Bogol | Conan (SRR) |

Tahniah sekali lagi kepada SRR kerana telah berjaya menggondol kategori Kumpulan Terbaik, Kumpulan Harapan I dan Kumpulan Harapan II.

**A**udit Dalaman@ 22-23 Februari 2011

Komiti 5S telah bersetuju untuk mengadakan audit 5S siri 2/2011 pada awal minggu pertama bulan Julai 2011.

# CONGRATULATIONS



Nama Staf (Ibu) : Dayangku Horiah Binti Awang Gahi

Jawatan/Sektor : Pustakawan, S44/Bahagian Perkhidmatan Maklumat

Nama Anak : Dayang Rania Syasmin Binti Abang Rahabidin

Tarikh Lahir : 25 Oktober 2020



Nama Staf (Ibu) : Haspidawati Bt. Hj. Bujang

Jawatan/Sektor : Penolong Akauntan, W32/Sektor Pengurusan Korporat

Nama Anak : Marahaini Wafiah Binti Saufie

Tarikh Lahir : 28 Mac 2011



Nama Staf (Ibu) :Norayah Bt Adenan

Jawatan/Sektor : Pembantu Pepustakaan S17/Bahagian Perkhidmatan Maklumat

Nama Anak : Mohammad Aniq Zarfan

Tarikh Lahir : 23 Mac 2011



Nama Staf (Ibu) : Ramaliza Rakawi

Jawatan/Sektor : Pegawai Tadbir N41/Sektor Pengurusan Korporat (LPKS)

Nama Anak : Qaseh Qaireena Uzma

Tarikh Lahir : 25 April 2022



Nama Staf (Ibu) : Nur Ashikin Binti Hj Ahmad

Jawatan/Sektor : Pembantu Tadbir (N17) Kesetiausahaan/Sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Nama Anak : Humayraa Binti Abdul Rahman

Tarikh Lahir : 22 Jun 2022



Nama Staf (Ibu) : Veronica Edward Sidi

Jawatan/Sektor : Pembantu Perpustakaan/Sektor Perkhidmatan Perpustakaan

Nama Anak : Ryan Branden Nico

Tarikh Lahir : 03 Mei 2022

## *Listing of Visits to*
# PUSTAKA NEGERI SARAWAK

| TARIKH | PELAWAT/ORGANISASI |
|---|---|
| **April 2011** | |
| 5 | Lawatan Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, UNISEL |
| 20 | Lawatan Sekolah Rendah Lodge |
| 25 | Lawatan Harina Consultancy Services |
| 26 | Lawatan Harina Consultancy Services |
| 27 | Lawatan Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak ke SRR |
| 27 | Lawatan Harina Consultancy Services |
| 28 | Lawatan Harina Consultancy Services |
| 29 | Lawatan Harina Consultancy Services |
| 30 | Lawatan Sk Agama Ibnu Khaldun Samarahan |
| **Mei 2011** | |
| 4 | Lawatan Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Awam Abdul Samad |
| 6 | Lawatan Politeknik Kota Kinabalu , Sabah |
| 12 | Lawatan Universiti Teknologi Mara Kampus Kedah |
| 25 | Lawatan Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor |
| 30 | Lawatan Yayasan Sarawak |
| **Jun 2011** | |
| 8 | Lawatan Kolej Universiti Perguruan Ugama Bandar Seri Bagawan , Brunei Darulssalam |
| 9 | Lawatan Kelab Pusat Sumber Sekolah Menengah Kebangsaan Matu |
| 17 | Lawatan Arkib Negara Sabah |
| 25 | Lawatan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak |
| 27 | Lawatan Majlis Kebajikan Sosial Sarawak |
| 28 | Lawatan Persatuan Pustakawan Malaysia Kumpulan Timur, Universiti Sains Malaysia, Kota Bharu, Kelantan |

## *Listing of Visits to*
# PUSTAKA MIRI

| TARIKH | PELAWAT/ORGANISASI |
|---|---|
| **April 2011** | |
| 20 | Lawatan Tadika Astana |
| 21 | Lawatan Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) |
| **Jun 2011** | |
| 17 | Lawatan Tadika Junior 3QMRC Junior |